

Akhbar

Al-Fid'ah

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

جانباز اسلام نيري پيرك

EDARAN PERCUMA

MEI

2018



SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN PERINGKAT NEGERI PERAK



Upacara Tanam Pokok Bucida Molineti
Yang Dikenali Juga Pokok Doa



Penyampaian Zakat

Ipoh, 2 Jun 2018 : Sempena bulan Ramadan setiap tahun pastinya umat Islam seluruh dunia mengingati satu peristiwa besar dalam sejarah Islam iaitu Nuzul al-Quran. Masjid al-Hidayah Pengkalan Pegoh melakar sejarah apabila menjadi lokasi sambutan hebat ini diadakan pada tahun 1439 hijrah. Pelbagai program telah diadakan bermula dengan program qiamullail, tahsin tajwid pada sebelah pagi sehingga tengah hari. Pada petangnya pula bermula jam 5, satu ceramah telah diadakan bertajuk "Keistimewaan al-Quran".

Selepas itu diadakan penyampaian zakat oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak kepada asnaf daerah Kinta. Orang ramai yang ada merasa teruja dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzudin Shah, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak. Baginda Tuanku Sultan serta Raja Muda dan Raja Dihilir berkenan mencemar duli melaksanakan upacara menanam Pokok Doa sebagai simbolik perasmian masjid. Bermulalah acara kemuncak iaitu upacara perasmian masjid al-Hidayah yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak.

Sebelah malamnya turut diserikan dengan tadarus al-Quran oleh anak qaryah masjid berkenaan yang terdiri daripada peserta wanita dan lelaki.

HIKMAH NUZUL AL-QURAN SECARA BERPERINGKAT

Oleh : Mohd Hafiz Bin Sulaiman (Jabatan Mufti Negeri Perak)

Pengenalan : Al-Quran adalah kitab Allah yang diturunkan kepada manusia akhir zaman sebagai panduan dalam kehidupan manusia. Al-Quran juga merupakan kitab pelengkap kepada kitab-kitab samawi yang lain iaitu Zabur, Injil & Taurat. Sebagai kitab pelengkap sudah tentu kitab al-Quran memiliki keistimewaan berbanding kitab-kitab samawi yang lain khususnya aspek Nuzul al-Quran. Al-Quran telah diturunkan melalui perantaraan Malaikat Jibril secara berperingkat selama hampir 23 tahun. Ayat al-Quran sendiri melalui surah al-Furqan ayat 32 menjelaskan tujuan diturunkan secara berperingkat kerana untuk menetapkan hati Rasulullah. Begitu juga hikmah-hikmah lain kenapa al-Quran diturunkan secara berperingkat.

Pengertian Nuzul Quran Dari Segi Bahasa

Pengertian Nuzul al-Quran dapat dijelaskan menurut bahasa dan istilah. Ia merupakan susunan dua kalimah bahasa Arab iaitu *nuzul* dan *al-Quran* yang bermaksud turun al-Quran. Menurut al-Raghib al-Isfahani kalimah **nuzul** bermaksud : meluncur atau turun dari atas ke bawah. Menurut al-Zarqani pula **nuzul** bermaksud berpindah sesuatu dari atas ke bawah. Manakala al-Quran dari segi bahasa berasal dari kata **qara'a** yang bermaksud bacaan. Al-Quran itu berbentuk *masdar* datang dalam bentuk isim *maf'ul* iaitu **maqrū'** yang bermaksud yang dibaca.

Manakala al-Quran menurut istilah seperti yang ditakrifkan Sheikh Muhammad Ali ash-Shabuni sebagai : "al-Quran adalah kalam Allah yang mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW penutup para Nabi dan Rasul, dengan perantaraan malaikat Jibril a.s. dan ditulis pada mushaf-mushaf yang kemudian disampaikan kepada kita secara mutawatir, serta membaca dan mempelajarinya merupakan ibadah, yang dimulai dengan surat al-Fatihah dan ditutup dengan surat an-Nas."

Pengertian Nuzul Quran Dari Segi Istilah

Pengertian Nuzul al-Quran menurut jumhur Ulama seperti Imam al-Razi, Imam al-Suyuti, al-Zarkasyi, al-Zarqani menjelaskan bahawa Nuzul al-Quran itu secara hakiki tidak sesuai untuk digunakan pada al-Quran sebagai kalam Allah yang merupakan sifat ma'ani kepada zat Allah. Perkara menyandarkan ungkapan "diturunkan" pada al-Quran, boleh menghendaki adanya unsur kalimat atau lafaz atau tulisan huruf yang harus diturunkan yang disandarkan pada Kalamullah yang bersifat Qadim. Maka untuk mengelakkan daripada berlakunya penyerupaan kalam Allah dengan kalam makhluk, maka kalimat Nuzul al-Quran itu harus dijelaskan secara makna majazi dengan mengertikan Nuzul al-Quran itu kepada : menetapkan atau menyampaikan al-Quran, sama ada kepada Luh Mahfuz atau ke Baitul Izzah di langit dunia mahupun kepada Nabi Muhammad SAW sendiri.

Peringkat Nuzul Al-Quran

Kitab al-Quran diturunkan Allah kepada Rasulullah melalui perantaraan Jibril bermula bulan Ramadan. Penurunan al-Quran telah melalui beberapa peringkat iaitu :-

1. Dari Allah ke Luh Mahfuz secara sekaligus.
2. Dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah secara sekaligus.
3. Dari Baitul Izzah kepada Rasulullah secara berperingkat-peringkat selama hampir 23 tahun melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s.

Hikmah Al-Quran Diturunkan Secara Berperingkat-Peringkat

Di antara hikmah al-Quran diturunkan secara berperingkat adalah seperti berikut :-

1. Menerapkan hukum syariat mengikut kepada peristiwa yang berlaku pada Rasulullah dan para sahabat

Penurunan al-Quran berjalan seiring dengan keperluan sosial masyarakat Arab, pada peringkat pertama iaitu peringkat dakwah Rasulullah di Makkah. Masyarakat arab pada ketika itu hidup dalam jahiliyah dan melakukan perbuatan syirik dengan menyembah berhala. Mereka dimantapkan dengan iman dan cinta kepada Allah dan Rasul serta hari kebangkitan. Mereka diancam dengan azab seksa di akhirat apabila mereka menyengutukan Allah dan mengingkari rukun-rukun Iman yang lain. Peringkat seterusnya ialah merealisasikan pengakuan iman dalam bentuk ibadah, seperti solat difardhukan sebelum hijrah, puasa dan zakat difardhukan pada tahun 3 hijrah dan haji pada tahun 8 hijrah. Al-Quran seterusnya mengharamkan segala adat tradisi yang bersifat dosa besar diikuti dengan adat tradisi yang bersifat dosa kecil.

Al-Quran terdiri daripada perintah dan larangan Allah kepada manusia. Pada masa hayat Rasulullah SAW, apabila terjadi sesuatu peristiwa, atau ketika kaum Muslimin berhadapan dengan kesulitan, atau penyelesaian masalah kaum Muslimin maka sekumpulan ayat atau surah akan diturunkan berkait dengan peristiwa tersebut.

Dengan penurunan secara beransur-ansur, ayat-ayat al-Quran telah membetulkan kesalahan umat Islam dan kesannya lebih kemas dalam hati umat Islam. Contohnya dalam perang Hunain, tentera Islam berbangga dengan jumlah yang ramai dan memandang rendah jumlah pasukan musuh yang lebih kecil.

Jika al-Quran diturunkan sekaligus maka tiadalah pembetulan yang tepat ketika terjadinya sesuatu kesalahan.

2. Menjelaskan Hukum Syariat Apabila Wujud Persoalan

Peristiwa atau kejadian yang berlaku kemudian diturunkan ayat atau surah berkenaan berkaitan dengan peristiwa tersebut. Perkara ini diistilah sebagai "*sebab-sebab turun wahyu*" (*asbab al-nuzul*). Asbab nuzul merupakan ilmu yang sangat diperlukan oleh Mufassir dan Fuqaha' dalam memahami secara tepat tentang ayat-ayat al-Quran. Manusia mempunyai kemampuan akal untuk memikirkan dan mengingat yang terhad dan terbatas. Dengan bimbingan al-Quran manusia dapat mengetahui kebaikan dan keburukan sesuatu perkara.

3. Memudahkan Hafazan, Pemahaman Dan Penghayatan Al-Quran

Penurunan al-Quran secara beransur-ansur memudahkan umat Islam untuk menghafaz kerana pada ketika itu daya ingatan menjadi alat pembelajaran terpenting kerana kebanyakan umat Islam pada zaman tersebut tidak boleh membaca dan menulis. Oleh itu, jika al-Quran diturunkan sekaligus, sudah tentu mereka tidak mampu untuk menghafaz ayat al-Quran dan akhirnya mereka juga lemah untuk memahami isi kandungan al-Quran. Lebih zahir lagi apabila ilmu dan amal berjalan seiring dengan perintah dan larangan al-Quran, maka potensi manusia menjadi lebih matang dan sempurna apabila dapat memahami dan menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian.

4. Mengukuhkan Hati Rasulullah Berdakwah Kepada Umat Manusia

Orang bukan Islam begitu memusuhi al-Quran dan Rasulullah SAW. Mereka terdiri daripada Musyrikin Makkah, Ahli Kitab dan Kabilah-Kabilah Arab yang bersekutu dengan Musyrikin Makkah dan Ahli Kitab. Mereka menghina, mengutuk, mengusir, mengancam bunuh dan berperang dengan Rasulullah SAW dan umat Islam. Maka al-Quran diturunkan sebagai penghibur dan penenang kepada Rasulullah dan para sahabat baginda. Di samping itu, al-Quran menyediakan uslub-uslub dakwah Rasulullah dan para sahabat apabila berhadapan dengan mereka dan menyediakan kaedah-kaedah mengatasi mereka sama ada perjanjian damai atau melalui peperangan.


Kadangkala kepedihan Rasulullah dan para sahabat diubati dengan kisah-kisah nabi terdahulu. Ibrah kisah-kisah para nabi terdahulu adalah supaya Baginda SAW mengambil hikmah dari kegigihan dan perilaku para nabi terdahulu untuk dijadikan sebagai panduan dan pedoman. Ayat al-Quran sangat berperanan meringankan beban Nabi Muhammad SAW dengan turunnya ayat secara berulang-ulang pada surah-surah yang pelbagai, kedatangan Jibril membawa ayat-ayat al-Quran berbentuk galakan dan dorongan, pertolongan dan bantuan telah memberi kesan yang cukup besar dalam perjalanan dakwah baginda SAW mengajak manusia yang degil, ingkar, sombong dan seumpamanya kepada menyembah Allah pencipta manusia dan alam ini.

5. Sebagai Bukti Bahawa Allah Yang Menurunkan Al-Quran


Penurunan secara berperingkat-peringkat telah menunjukkan kepada Zat yang menurunkan al-Quran Yang Maha Bijaksana, terbukti dalam al-Quran mengandungi perkara-perkara yang menakjubkan, hukum yang universal, ketinggian balaghah, huruf dan kalimat yang sistematik dan sebagainya. Al-Quran memiliki rangkaian yang sangat mengagumkan. Dalam tempoh penurunan selama 23 tahun, al-Quran sentiasa menzahirkan rahsia-rahsia kemukjizatan, kehebatan al-Quran tampak lebih jelas apabila tiada mana-mana karya di atas muka bumi ini yang dapat menandinginya, ini semua memperlihatkan kepada manusia akan kesempurnaan Allah.

6. Membezakan Al-Quran Dengan Kitab-Kitab Samawi Yang Lain.

Kitab Suhuf Ibrahim a.s dan Musa a.s diturunkan kepada kedua-dua nabi ini pada satu tempat dan hal ini telah menjadi faktor bagi kaum Musyrikin untuk mencari kelemahan dan aib dari kedua-dua kitab tersebut. Firman Allah yang bermaksud :- *Dan orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)?" Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.* (Surah al-Furqan 25: ayat 32)



Rajah 1 : Imej Khat Kalimah Allah terbentuk pada penyambungan titik koordinat yang mewakili bilangan ayat dalam surah dan kedudukan surah dalam al-Quran.



Rajah 2 : Imej Khat Kalimah Muhammad terbentuk pada penyambungan titik koordinat yang mewakili bilangan ayat dalam surah dan kedudukan surah dalam al-Quran.

Perasmian MASJID AL-HIDAYAH RPT PENGKALAN PEGOH SEBERANG, LAHAT SEMPENA SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



Masjid ini dibina hasil cetusan idea ahli kariah melalui mesyuarat pertama yang diadakan pada awal tahun 2005. Seramai 20 orang ahli jawatankuasa pembinaan masjid dilantik untuk mendapatkan sumber kewangan.

Ia dibina di atas tanah lot Pt116777 seluas 3 ekar dan telah mendapat kelulusan Exco Kerajaan Negeri Perak dalam mesyuarat pada 13 Julai 2001.

Kelulusan membina masjid dan kariah baru RPT Pengkalan Pegoh Seberang telah diberi melalui mesyuarat Jawatankuasa Syariah kali ke 171 bertarikh 8 Rejab 1427H bersamaan 3 Ogos 2006 dan permit kebenaran memungut derma diluluskan pada September 2006.

Pelan pembinaan masjid pada ketika itu dijangka memerlukan belanja RM 2 juta tetapi apabila tender dikeluarkan kos meningkat kepada RM 2,575,434.00. Dengan beberapa tambahan yang telah dibuat setelah siap sepenuhnya kos pembinaan sebenar ialah sebanyak RM 3 juta.

Sebahagian besar kewangan diperolehi daripada peruntukan dari Jabatan Perdana Menteri iaitu sebanyak RM 2.5 juta dan selebihnya daripada sumbangan MAIPK dan derma daripada masyarakat.

Masjid mula digunakan pada 10 Jun 2012 dengan kapasiti 1200 jemaah.

Bangunan Balai Lintang dibina kemudian dengan kos tambahan sebanyak RM 300,000.00 dengan peruntukan diperolehi daripada ICU Kementerian Kewangan.

Pembinaan menara azan dibuat dengan kos tambahan RM 115,000.00.



Sedetik Bersama, Terpahat Selamanya

PROGRAM TAUTAN HATI DAN UKHWAH

Tapah, 17 Mei 2018: Kedatangan bulan Ramadan diraikan dengan Majlis Pelancaran Program Tautan Hati Dan Ukhwah siri 1 bagi tahun 2018 yang telah diadakan di Surau Raudhatul Huffaz, Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Batang Padang. Program ini bermula dari 17 Mei sehingga 7 Jun 2018.

Objektif program ini diadakan adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim serta memupuk semangat bekerjasama di kalangan murid dan guru. Di samping itu, murid-murid juga mendapat ilmu tentang cara membuat kuih-muih tradisional dan lain-lain.



IHYA RAMADAN SEMARAK



Upacara khatam quran yang diketuai oleh Ustaz Khairul Hanif Ahmad

Parit Buntar, 17 Mei 2018 : Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan Daerah Kerian (SEMARAK) tidak melepaskan peluang menyambut Ramadan 1439H dengan pelbagai aktiviti. Di antara aktiviti yang dijalankan ialah majlis ceramah 'Ahlan Ya Ramadan' yang disampaikan oleh Daie Azrin. Selain itu, pelancaran buletin Ramadan, Quran Hour, tadarus al-Quran dan iftar perdana SEMARAK turut dijalankan. SEMARAK juga mengambil kesempatan bulan Ramadan ini untuk menjadikannya sebagai 'bulan amalan Quran'. Pada 23 Ramadan bersamaan 8 Jun 2018 pula dianjurkan Majlis Penutup Ihya' Ramadan dan Majlis Khatam al-Quran. Majlis ini turut meraikan 12 orang pelajar terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima yang telah khatam hafazan pada bulan Ramadan kali ini. Di akhir majlis ini, pengetua SEMARAK, Ust Mohd Shu'ah bin Halim turut mengambil kesempatan memberi duit raya kepada para pelajar sebelum mereka pulang ke kampung untuk berhari raya.



Mualimah sedang menikmati juadah berbuka sempena iftar perdana Semarak



Pelajar menunaikan solat sunat tarawih yang diimamkan oleh Ustaz Wan Ahmad Munauwar



Ibu kepada salah seorang pelajar khatam hafazan Anis Nabila memberikan anugerah kepada beliau



Pengetua Semarak AF Ustaz Shu'ah Bin Halim mengagihkan duit raya kepada pelajar



Para pelajar sedang khusyuk menjalankan tadarus sempena World Quran Hour



Pelajar yang telah khatam hafazan diarak sebelum masuk ke surau



Daie Azrin sedang menyampaikan ceramah yang bertajuk "Ahlan Ya Ramadan"

AGIHAN BUBUR LAMBUK MASJID SULTAN AZLAN SHAH, IPOH



Ipoh, 2 Jun 2018 : Masjid Sultan Azlan Shah Ipoh dengan kerjasama pelajar tahfiz Institut Tadbiran Islam Perak (INTIM) telah mengadakan aktiviti memasak bubur lambuk bertempat di dewan makan masjid.

Selain 80 orang pelajar tahfiz yang terlibat, tidak ketinggalan juga Imam Utama masjid tersebut iaitu Tuan Haji Syed Mohd Muzzaffar bin Syed Azlan bersama ahli jawatankuasa masjid. Bubur lambuk yang enak ini diedarkan kepada para jemaah dan tetamu yang hadir. Program seumpama ini mengeratkan lagi persaudaraan dan kemesraan di antara pegawai masjid dan juga pelajar tahfiz.



IFTAR MAHABBAH JABATAN AGAMA ISLAM PERAK



Ipoh, 4 Jun 2018 : Bertempat di Institut Tadbiran Islam Negeri Perak (INTIM), Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan iaitu YB Tuan Asmuni bin Awi telah berucap panjang di dalam Majlis Iftar Mahabbah Jabatan Agama Islam Perak. Majlis berbuka puasa tersebut diadakan bagi meraikan penerima-penerima Anugerah Hammam yang telah mencapai taraf lima bintang.

Pengarah JAIPK, Dato' Mohd Yusop bin Husin dalam ucapan menyatakan program hammam ini merupakan cetusan idea untuk membuka minda kepada AJK masjid terutamanya iaitu satu transformasi dalam mengubah tanggapan masyarakat terhadap tandas masjid yang sering dikatakan tidak bersih. Kesemua tandas dan tempat wuduk masjid di seluruh negeri Perak ini telah dinilai aspek kebersihannya melalui Garis Panduan Penarafan Bilik Air dan Tempat Wuduk.

Seterusnya, penyampaian sijil hammam dimulakan sejourus selepas YB Tuan Asmuni selesai berucap sementara menunggu waktu berbuka puasa. Sebanyak 38 buah masjid telah menerima sijil bagi menunjukkan taraf 5 bintang bagi tandas dan tempat wuduk masjid di antara yang terbaik.

Masjid-masjid yang menerima sijil tersebut telah dinilai oleh jemaah penilai yang diketuai oleh Pegawai Tadbir Agama dan ahli-ahlinya iaitu imam daerah, Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah. Program ini akan sentiasa diteruskan untuk membantu masjid-masjid yang markahnya masih berada di tahap yang mendukacitakan untuk berganjak ke taraf lima bintang.

MAJLIS IFTAR JAMAIE DAN SUMBANGAN ASNAF ZAKAT



Ipoh, 6 Jun 2018 : Delegasi Persatuan Kebajikan Mahasiswa Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Negeri Perak yang diketuai oleh Penasihat PERKEMAT al-Fadil Ustaz Mohd Hafizullah bin Mohd Tahir, selaku Presiden Saied Ramadhan bin Mohamad Muntaha, Timbalan Presiden Uwais al-Qarni bin Mohd Hafiz bersama barisan-barisan pelajar Mahaad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Perak telah mengadakan satu Majlis Berbuka Puasa secara berjamaah serta penyampaian sumbangan asnaf zakat.



Di samping itu, penyampaian sumbangan asnaf zakat kepada para pelajar MTQN Perak yang tidak berkemampuan turut diadakan bagi meringankan bebanan kewangan keluarga mereka. Terdapat juga sumbangan khas kepada pelajar MTQN Perak yang telah mengkhataam bacaan al-Quran 30 juzuk setiap hari beserta doa arwah selama 30 hari di bulan ramadhan. Sumbangan tersebut adalah hasil kutipan sumbangan Persatuan Kebajikan Mahasiswa Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Perak sebelum tibanya bulan ramadhan al-mubarak.

Selain itu, seramai 7 orang pelajar telah menerima sumbangan asnaf zakat dan 30 orang lagi telah menerima sumbangan khatam bacaan 30 juzuk setiap hari.

Alhamdulillah segala-galanya berjalan dengan baik seperti yang dirancang. Semoga ikatan ukhwa yang terjalin ini kekal sehingga ke akhir hayat in shaa Allah.

IFTAR JAMAIE BERSAMA *NON-MUSLIM*: PENDUDUK KAMPUNG BARU KOPIKAN DIRAIKAN

Gopeng, 9 Jun 2018: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Perak melalui Unit Dakwah Orang Asli dan Saudara Kita telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Penduduk Kampung Baru Kopisan. Majlis ini diadakan demi pengukuhan perkongsian strategik-memberi peluang kepada komuniti dan jabatan-jabatan yang turut serta untuk menjalankan aktiviti dakwah dan membuka satu platform untuk berdakwah kepada golongan non-Muslim selain dapat merapatkan lagi jurang antara orang Islam dan non-Muslim.

"Ini membuktikan bahawa Islam adalah agama yang syumul. Salah seorang penduduk kampung menyatakan bahawa program seperti ini tidak pernah diadakan lagi dan ini adalah salah satu pengalaman baru bagi mereka untuk berbuka puasa bersama dengan masyarakat Islam." Juadah berbuka adalah berkonsepkan masakan Cina dan dimasak secara gotong-royong oleh keluarga mubaligh Islam dan



ahli-ahli MACMA. Majlis ini dirasmikan oleh Penolong Pengarah Dakwah, Jabatan Agama Islam Negeri Perak merangkap Ketua Unit Dakwah Orang Asli dan Saudara Kita, Tuan Mohd Zuhadi bin Mohamad Saarani. Majlis ini dihadiri seramai 80 orang penduduk kampung kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Tionghua yang tinggal berdekatan dan 20 orang ahli MACMA turut hadir memeriahkan majlis ini.

Selain itu, penduduk kampung meminta kepada pihak jabatan untuk mengadakan lebih banyak program seperti ini supaya lebih ramai penduduk kampung dapat memahami tentang Islam dan ini juga adalah selari dengan objektif program supaya dapat meleraikan salah faham non-Muslim terhadap Islam.



RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA

Ipoh, 12 Jun 2018 : Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan berkenan berangkat mencemar duli ke Majlis Berbuka Puasa.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci al-Quran oleh Ustaz Kamaruzzaman. Seterusnya majlis tahlil diadakan dipimpin oleh Sohikul Fadilah Tuan Haji Abdul Farid bin Haji Salleh Imam Besar Masjid Negeri Perak. Seusai berbuka puasa dan solat maghrib, majlis diteruskan dengan penyampaian bantuan khas hari raya oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak seramai 19 orang serta sumbangan kepada muallaf dan ibu tunggal seramai 7 orang. Sumbangan disampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir Perak dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan.



PROGRAM PENGHAYATAN ISLAM ANAK YATIM TAHUN 1439/2018



Ipoh, 11 Jun 2018 : Bertempat di Pusat Kegiatan Dakwah Ipoh telah diadakan Program Penghayatan Islam Anak Yatim tahun 1439H/2018M. Seramai 100 orang anak yatim terlibat di dalam program yang bertujuan untuk meringankan beban dan menggemirakan anak-anak yatim. Selain itu dapat menjalinkan hubungan sesama manusia tanpa mengira pangkat dan darjat. Antara pengisian program ialah tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Munawir bin Mohd Salleh, beramah mesra dengan anak yatim dan bertanya khabar di samping menghulurkan sedikit hamper raya dan duit raya kepada setiap seorang anak yatim yang berada di tiga buah rumah iaitu Yayasan An-Nur Maisarah, Chemor, Pertubuhan Baitul Mubaroqah, Taman Rapat Setia dan anak-anak asnaf zakat yang terdiri dari anak muallaf dan anak orang miskin dari Rumah Perlindungan Ihsan Hawa, Ampang.

Program ini disertai oleh kakitangan Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Perak. Selain itu turut dihadiri oleh Tuan Timbalan Pengarah JAIPk Haji Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim dan Tuan Ketua Penolong Pengarah Kanan Dakwah Haji Mohd Kamal bin Mohamad Noor. Pada hari tersebut juga turut diedarkan bubur lambuk kepada orang ramai yang melalui sekitar Jalan Sultan Azlan Shah tersebut.



DAHSYATNYA BILA BUKAN MERUJUK KEPADA AL QURAN : KES LGBT

Oleh : Tuan Haji Zamri bin Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak

Kita berpeluang melihat sendiri produk-produk yang lahir dari mangsa-mangsa serangan pemikiran yang melanda dunia Islam termasuk Malaysia.

Pada peringkat awal kita agak tersentak apabila sudah muncul di persada maya ungkapan-ungkapan seperti “perbuatan homoseksual itu adalah fitrah, bahkan mereka yang tidak menyokong LGBT ataupun yang dipanggil homofobia itulah yang sebenarnya di luar fitrah, dan bukan golongan LGBT itu.” Lebih tersentak lagi apabila mendapati yang mengungkapkannya adalah seorang muslim. Bahkan menegaskan hujahnya merujuk kepada alam haiwan! Ia adalah fitrah semulajadi hidupan adalah kerana terdapat banyak haiwan-haiwan seperti dolfin hidung botol, burung angsa hitam, penguin, lalat buah, dan mawas bonobo memperlihatkan sifat LGBT. Bahkan mereka mencadangkan kanak-kanak perlu melihat watak-watak gay di dalam filem. Mereka perlu diajar bahawa golongan gay wujud.

Inilah contoh kesan serangan pemikiran kepada anak-anak muda yang merasakan diri lebih moden dan maju sehingga gagal membezakan antara kepercayaan tradisi dengan hukum-hukum Islam. Merasa lebih maju jika menolak ajaran al-Quran yang dianggap sangat tradisi. Merasa lebih megah apabila merujuk kepada nilai-nilai sejagat berbanding dengan merujuk kepada al-Quran sebagai rujukan utama.

Merujuk isu LGBT kepada alam haiwan dan menganggap penolakan terhadap amalan songsang LGBT sebagai kepercayaan tradisi adalah rujukan yang salah dan tidak wajar bagi seorang muslim. Tetapi trend ini semakin popular khususnya kepada muslim-muslim muda yang semakin cair jati diri.

Menolak perlakuan homoseks adalah ajaran al-Quran. Ada beberapa ayat al-Quran secara terang dan nyata mengeji perbuatan ini dan telah menghukum mereka yang terlibat. Istilah yang dipakai untuk menggambarkan perbuatan homoseksual di dalam al-Quran ialah “amal qaum Lut” perbuatan kaum Lut tetapi telah diantarabangsakan dan dipopularkan istilah homoseks daripada perkataan liwat. Rujukan-rujukan mula menghala kepada nilai-nilai universal walaupun tidak sedikit yang bertentangan dengan nilai-nilai al-Quran.

Firman Allah SWT : Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?” Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.” (QS al-A'raf ayat 80-81)

Perbuatan keji itu disebutkan beberapa kali di dalam al-Quran bahkan al-Quran menceritakan azab yang menimpa kaum Nabi Lut yang melakukan perbuatan keji itu. Firman Allah SWT : Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan); (ingatlah peristiwanya) ketika ia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedang kamu nampak kejinya? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana memuaskan nafsu syahwat kamu. (Perbuatan kamu itu amatlah keji) bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya). Maka kaumnya tidak menjawab selain dari berkata: usirlah Lut dan pengikut-pengikutnya dari bandar kamu ini; sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang mendakwakan dirinya bersih suci . Lalu Kami selamatkan Nabi Lut dan keluarganya serta pengikut-pengikutnya, kecuali isterinya, Kami takdirkan dia menjadi dari golongan yang tertinggal dalam azab. Dan Kami hujani mereka dengan hujan yang membinasakan, maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa orang-orang yang telah diberi amaran. (QS al-Naml ayat 54-58)

Walaupun perbuatan itu dilakukan oleh kaum Nabi Lut a.s, namun Nabi Muhammad SAW sangat membimbangi jika ia juga dilakukan oleh umat Baginda. Baginda SAW pernah bersabda : Antara perkara yang paling aku takuti berlaku kepada umat aku ialah apabila mereka melakukan seperti perbuatan umat Nabi Lut. (HR al-Tirmizi dan Ibnu Majah)

Dalam hadith yang lain Baginda memberi amaran : dilaknat orang yang membuat hubungan kelamin dengan binatang, dilaknati orang yang melakukan perbuatan keji umat Lut. (HR Ahmad)

Mewajarkan perbuatan keji itu atas alasan ia perkara fitrah haiwan adalah perbuatan menurunkan taraf manusia setaraf dengan haiwan. Perbuatan ini bukan dipandang keji oleh tradisi klasik orang Melayu tetapi ia adalah dipandang keji oleh al-Quran. Rujukan yang salah terbukti telah melahirkan generasi yang telah turun darjat kepada hanya mengekori barat dalam sistem nilai hidup mereka.

PIAWAI AL QURAN TENTANG NEGARA ISLAM

Oleh : Tuan Haji Zamri Bin Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak

Bulan Ramadan juga disebut bulan al-Quran (Shahrul Quran). Al-Quran diturunkan di dalam bulan penuh kemuliaan ini. Umat Islam memang dianjurkan untuk (hidup) mua'ayyasyah bersama al-Quran dengan membacanya, bertadarus, tadabbur dan mengamalkannya. Al-Quran membekalkan kepada kita gambaran (tasawwur) sebenar mengenai hakikat kehidupan sekarang dan akan datang serta menjelaskan hakikat dan tafsiran sebenar kepada sesuatu peristiwa, suasana dan isu tertentu.

Baru-baru ini tersebar luas satu kajian yang telah dilakukan oleh Hossein Askari seorang Profesor Jabatan Perdagangan Antarabangsa dan Perhubungan Antarabangsa salah sebuah universiti di Amerika Syarikat bersama Scheherazade S. Rehman secara simplistik membuat kesimpulan bahawa kebanyakan negara-negara bukan Islam jauh lebih beramal dengan al-Quran berbanding dengan negara-negara Islam sendiri.

Salah satu masalah yang sedang dihadapi oleh orang yang mengaku sebagai seorang sarjana Muslim ialah tidak lagi merasa izzah (mulia) dengan Islam, lantaran itu apabila bercerita mengenai Islam kupasannya hanya sekadar berkongsi nilai-nilai sejagat yang telah diadun lebih awal oleh manusia yang tidak mengiktiraf kekuasaan Allah dalam meletakkan sistem nilai dalam kehidupan dan memaksa orang lain untuk menerima nilai-nilai berkenaan.

Contohnya apabila berbicara soal kezaliman, perbincangan tidak sampai mencecah isu syirik itu adalah kezaliman yang paling besar, berbicara soal kebebasan manusia perbincangan sekadar nilai-nilai perkongsian sejagat sehingga tidak menembusi isu kedudukan hak Allah dalam perjuangan hak asasi manusia.

Sarjana Muslim sewajibnya merasa izzah/mulia dengan ajaran Islam yang tulen, bukan merasa izzah dengan sistem nilai yang dipaksa pakai oleh manusia yang menolak peranan Allah dalam kehidupan. “Adakah mereka mencari di sisi orang-orang kafir itu kemuliaan? Sedangkan kemuliaan itu adalah milik Allah.” (4:39)

Kajian yang telah dilakukan oleh Hossein Askari seorang Profesor Jabatan Perdagangan Antarabangsa dan Perhubungan Antarabangsa salah sebuah universiti di Amerika Syarikat bersama Scheherazade S. Rehman lebih menumpukan kepada empat asas sahaja iaitu pengurusan pentadbiran (governance), hak asasi kemanusiaan, hak berpolitik dan Perhubungan

Antarabangsa sedangkan standard al-Quran bukan sekadar empat unsur ini sahaja.

Kalaupun empat unsur ini dikembalikan piawai dan standardnya kepada al-Quran nescaya masih banyak ruang yang munasabah untuk kita persoalkan kejutuan kajian ini. Contohnya hak asasi manusia di dalam al-Quran tidak mewajarkan hubungan sejenis, perkahwinan sejantina, hidup berkesedudukan yang menjadi lumrah kepada negara-negara yang lebih ‘quranik’ kononnya itu.

Dari sudut politik contohnya, sistem demokrasi tulen yang diamalkan dalam negara-negara yang lebih “quranik” kononnya itu sebagai satu ideologi “dari rakyat untuk rakyat” telah menafikan ajaran al-Quran sendiri yang menghadkan wewenang manusia hanya sebagai khalifah yang masih wajib tunduk kepada peraturan Allah.

Dalam hubungan antarabangsa kita persoalkan adakah al-Quran mewajarkan hak keadilan kepada umat Islam yang tertindas di Palestin mahupun di Myanmar secara mudah di veto kan secara mudah oleh beberapa negara berkuasa veto termasuklah negara ‘yang lebih Quranik’ itu. Sedangkan negara-negara Islam kebanyakannya adalah negara mangsa kepada kerakusan negara-negara barat.

Dalam isu good governance kita mengakui memang banyak kelemahan yang berlaku di kalangan negara Islam dalam skala yang lebih besar dari negara-negara lain seperti isu amanah, rasuah dan sebagainya. Ini berlaku apabila umat Islam jauh daripada ajaran al-Quran itu sendiri. Maka saya melihat dalam konteks Malaysia ada kewajarannya usaha mengingatkan orang-orang Melayu Muslim yang memegang tampuk pemerintahan dan pentadbiran agar kembali kepada al-Quran kerana golongan inilah yang majoriti memegang jawatan-jawatan ini. Dan bukanlah rasis ataupun asobiyah usaha mengembalikan bangsa yang punya syaukah kembali kepada al-Quran.

Sekali lagi dipertegas bahawa mengukur perbandingan pengamalan sesebuah negara mana yang lebih hampir kepada al-Quran tidak memadai dengan 4 aspek berkenaan sahaja, dan jika mahu juga menggunakan aspek asas berkenaan ia perlu dikembalikan kepada kehendak sebenar al-Quran bukannya mengikut versi PBB mahupun polis dunia Amerika Syarikat.

Firman Allah “Dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkan kamu dari sesuatu hukum yang Allah telah turunkan kepada kamu.” (5:14)



**Di atas Pelantikan Sebagai YAB Menteri Besar Perak
YAB TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU, AMP
(Menteri Besar Perak Darul Ridzuan)**

Pengerusi Jawatankuasa Kewangan, Keselamatan,
Tanah, Badan Berkanun (GLC), Sumber Asli
dan Perancangan Ekonomi.

Tahrir Di atas Pe

Sebagai YB Ahli Majlis Mesyuarat



YB ENCIK ASMUNI BIN AWI

Pengerusi Jawatankuasa Agama dan
Pendidikan Islam, Luar Bandar dan
Pembangunan Usahawan.



YB ENCIK YONG CHOO KIONG

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
Kerajaan Tempatan, Pengangkutan
Awam, Hal Ehwal Bukan Islam dan
Kampung Baharu.




**YB ENCIK ABDUL YUNUS
BIN JAMAHRI**

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan
Awam dan Infrastruktur, Pertanian
dan Perladangan.



**YB DATO' SERI IR. MOHAMMAD
NIZAR BIN JAMALUDDIN, SPMP**

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan,
Industri dan Pembangunan Wilayah.



YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI


Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan,
Teknologi, Sains dan Alam Sekitar.

niah elantikan

puarat Kerajaan Negeri Perak



**Di atas Pelantikan Sebagai
Yang Dipertua Dewan Negeri Perak
YB Dato' Ngeh Koo Ham**



**YB ENCIK SIVANESAN
A/L ACHALINGAM**
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan,
Hal Ehwal Pengguna, Integrasi
Nasional dan Sumber Manusia.



YB PUAN WONG MAY ING
Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan
Sosial, Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Kebajikan Masyarakat.



YB ENCIK TAN KAR HING
Pengerusi Jawatankuasa
Pelancongan, Kesenian
dan Kebudayaan.



**YB ENCIK HASNUL ZULKARNAIN
BIN ABD MUNAIM**
Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi,
Multimedia dan NGO.



**YB ENCIK HOWARD
LEE CHUAN HOW**
Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Belia dan Sukan.

LENSA RAMADAN 1439H

DI KAMPUNG ORANG ASLI (KOA) DAN SAUDARA BARU



DAERAH IPOH

Ihya Ramadan KOA Pelantok 18-19 Mei

Iftar dan tarawih KOA Baduk 19 Mei

Ambang Ramadan KOA Tonggang 16 Mei

Iftar dan tarawih KOA Makmur 21 Mei

Penyerahan saguhati raya KOA Kerawat 6 Jun

Iftar dan tarawih KOA Suak Petai 31 Mei

Iftar dan tarawih KOA Choh 5 Jun

Iftar dan tarawih KOA Pelantok 2 Jun

DAERAH GERIK

Sumbangan beras fidyah KOA Bukit Nangka 23 Mei

Iftar jamaei KOA Jarau Baru 25 Mei

Iftar dan tarawih KOA Sg Urat 30 Mei

Ihya Ramadan KOA Kabel 22 Mei

Penyerahan saguhati raya saudara baru Pejabat Agama Gerik 11 Jun

Penyerahan saguhati raya KOA Sg Termin dan Sg Rengat 7 Jun

Kembara syahadah KOA Chiong, Tebang Baru dan Chuweh 9-10 Jun



DAERAH SERI ISKANDAR

Ziarah KOA Sungai Perah 21 Mei

Iftar dan penyerahan saguhati raya KOA Suak Padi 27 Mei

Ziarah dakwah saudara baru 6 Jun

DAERAH TAIPING

Iftar saudara baru Pejabat Agama Taiping 25 Mei

Sumbangan raya saudara baru 5 Jun

**DAERAH
KUALA
KANGSAR**

Ihya Ramadan KOA Komres, RPS Legap 17 Mei

Ziarah KOA Bersah, Pos Kuala Mu 21 Mei

Ihya Ramadan KOA Yum, Pos Yum, 23 Mei

Iftar KOA Langkor 8 Jun

Iftar KOA Takong, Pos Perwor 7 Jun

Ihya Ramadan KOA Sanum, Pos Poi 24 Mei

Singgah sahur Pejabat Agama Kuala Kangsar 29 Mei

DAERAH MANJUNG



Iftar dan penyerahan saguhati raya saudara baru rumah OBU Manjung
UNR Z Gunung



Iftar jamaei dan khatam al-Quran Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan



UNR Z Gunung



UNR Z Gunung



UNR Z Gunung



UNR Z Gunung

DAERAH TELUK INTAN



Iftar KOA Redang Punggur 24 Mei



Iftar KOA Redang Punggur 24 Mei



Iftar dan penyerahan saguhati raya Pejabat Agama Teluk Intan 8 Jun



Iftar dan penyerahan saguhati raya Pejabat Agama Teluk Intan 8 Jun



Iftar dan penyerahan saguhati raya Pejabat Agama Teluk Intan 8 Jun

**DAERAH
PENGKALAN
HULU**

Iftar dan penyerahan saguhati raya saudara baru Pejabat Agama Pengkalan Hulu



unf 2 nnnH uel

Ihya Ramadan KOA Air K arah 30 Mei



**DAERAH
LENGGONG**

Iftar dan penyerahan saguhati raya Pejabat Agama Lenggong 7 Jun



Iftar KOA Lubuk Cupak 4 Jun



